

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-186

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-186 bertarikh 31 Julai 2018 telah memutuskan perkara berikut:

Pengagihan Baki Lebihan Dana Takaful dalam Situasi Penggulangan Sesebuah Pengendali Takaful

Keputusan

MPS memutuskan bahawa agihan baki lebihan dana takaful (setelah melunaskan kesemua hak peserta takaful dan liabiliti dana takaful tersebut) dalam situasi penggulangan sesebuah pengendali takaful ke dalam dana perlindungan takaful yang dimiliki dan ditadbir oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dibenarkan menurut Syarak, dengan syarat lebihan tersebut mestilah digunakan terlebih dahulu untuk menampung defisit dana-dana takaful lain dan liabiliti pengendali takaful yang digulung tersebut.


Latar Belakang

- Terdapat cadangan daripada pihak PIDM untuk mengagihkan baki lebihan suatu dana takaful (yang ditadbir oleh pengendali takaful) dalam situasi penggulangan sesebuah pengendali takaful ke dalam dana perlindungan takaful yang dimiliki dan ditadbir oleh PIDM.
- Cadangan agihan ini bertujuan mengukuhkan dana PIDM bagi melaksanakan mandatnya dalam memberi perlindungan terhadap kehilangan manfaat takaful sekiranya sesebuah pengendali takaful mengalami kegagalan; dan dalam masa yang sama dapat menggalak serta menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Isu Syariah

- Adakah agihan baki lebihan dana takaful yang dicadangkan patuh Syariah?

Ilustrasi agihan baki lebihan dana takaful



Isu Utama Perbincangan MPS

Status pemilikan lebihan dana takaful (yang ditadbir oleh pengendali takaful) dalam situasi penggulangan sesebuah pengendali takaful

- Baki lebihan tersebut tidak lagi dimiliki oleh mana-mana peserta dan pengendali takaful. Ini kerana, segala liabiliti dana takaful dan hak-hak peserta telah dilunaskan sebelum lebihan dana takaful tersebut disalurkan ke dalam dana perlindungan takaful yang ditadbir dan dimiliki oleh PIDM.

Kaedah agihan baki lebihan aset dana takaful ke dalam dana perlindungan takaful PIDM

- Terdapat dua (2) jenis dana perlindungan takaful yang dimiliki dan ditadbir oleh PIDM iaitu Dana Perlindungan Takaful Am (DPTA) dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga (DPTK).
- Agihan baki lebihan sesuatu dana takaful kepada DPTA atau DPTK bergantung kepada jenis perniagaan pengendali takaful yang gagal tersebut, sama ada menjalankan perniagaan **takaful am** atau **takaful keluarga**.
- Agihan baki lebihan ini juga hanya akan dilaksanakan setelah (i) hak-hak peserta takaful dan liabiliti dana tersebut dilunaskan, dan (ii) lebihan ini digunakan untuk menampung defisit dalam dana takaful lain dan juga liabiliti pengendali takaful yang digulung.

Tujuan penggunaan dana perlindungan takaful PIDM

- Antara tujuan utama dana perlindungan takaful PIDM ialah seperti berikut:
 - Pembayaran manfaat takaful di dalam situasi penggulangan sesebuah pengendali takaful;
 - Penyelesaian kegagalan sesebuah pengendali takaful; dan
 - Pembayaran bagi perbelanjaan PIDM, termasuk pembangunan infrastruktur dan pengurusan modal insan bagi memastikan kesediaan (*readiness*) PIDM.

Keharusan PIDM menggunakan baki lebihan dana takaful bagi tujuan perbelanjaan

- Tiada halangan Syariah terhadap penggunaan baki lebihan dana takaful tersebut bagi tujuan perbelanjaan PIDM selagi mana ia memberi manfaat kepada sektor takaful secara keseluruhan dan mematuhi kehendak tadbir urus yang baik.

Asas Pertimbangan

- Keharusan kaedah pengagihan baki lebihan dana takaful dalam kes penggulangan sesebuah pengendali takaful sepertimana dicadangkan ini adalah berdasarkan pertimbangan *siyasah syar'iyah*¹ bagi mengukuhkan lagi dana perlindungan takaful PIDM. Ini penting bagi PIDM melaksanakan mandatnya dalam mentadbir sistem perlindungan yang efektif terhadap peserta-peserta takaful, lantas menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Ianya sejajar dengan kaedah fiqah berikut:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

“Urusan pemimpin ke atas rakyat berpaksikan masalah.”²

- Tambahan pula, baki lebihan dana takaful ini tidak lagi dimiliki oleh mana-mana pihak termasuk peserta dan pengendali takaful. Oleh itu, pihak pemerintah atau badan pengawal selia boleh menentukan kaedah agihan baki lebihan dana takaful tersebut, selaras dengan keputusan MPS terdahulu seperti berikut:

MPS dalam mesyuarat ke-114 bertarikh 28 Julai 2011 telah memutuskan bahawa dalam kes penggulangan sesebuah pengendali takaful, lebihan kumpulan wang risiko peserta (setelah dilunaskan segala liabiliti dan hak-hak peserta) boleh digunakan mengikut cadangan tata cara berikut:

- i) Membantu kumpulan wang takaful lain yang mengalami defisit, walaupun ia tidak dinyatakan dalam kontrak takaful.
- ii) Tujuan-tujuan lain yang ditetapkan oleh pengawal selia iaitu Bank Negara Malaysia, termasuklah membantu pengendali takaful menyelesaikan hutang-hutangnya atau untuk tujuan kebajikan.

Ini kerana lebihan tersebut bukanlah lagi milik mana-mana peserta. Dengan itu, pihak pemerintah (pengawal selia) boleh menentukan kaedah agihan lebihan wang tersebut.

¹ Dasar dan pendekatan yang diambil oleh pemerintah (dalam konteks ini badan pengawal selia) demi kepentingan negara dan rakyat yang selaras dengan prinsip Syariah.

² Al-Suyuti, *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1403H, Beirut, h. 121.

Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan MPS ini menggalakkan pentadbiran sistem perlindungan yang lebih efektif terhadap peserta-peserta takaful sekaligus menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara.
- Keputusan MPS ini juga selari malah memperhalusi lagi keputusan MPS sedia ada (dalam mesyuarat MPS ke-114 bertarikh 28 Julai 2011) yang membolehkan lebihan tersebut digunakan untuk menampung defisit dana takaful yang lain serta liabiliti pengendali takaful yang digulung dan juga untuk tujuan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pengawal selia.

Keputusan ini berkuatkuasa serta-merta selepas ia diterbitkan di laman sesawang Bank Negara Malaysia.